

Sekuriti makanan fokus Belanjawan 2023 - PM

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@medi3mulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kebimbangan rakyat mengenai jaminan sekuriti makanan antara perkara yang menjadi penekanan kerajaan pada pembentangan semula Belanjawan 2023.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan menitikberatkan dasar-dasar ekonomi yang boleh memacu dan menyegarkan negara melalui polisi ekonomi yang jelas.

Kata beliau, isu keterjaminan makanan seperti import makanan yang terlalu tinggi akan menjadi fokus utama kerajaan menjelang pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari ini.

“Import makanan kita terlalu tinggi. Jadi, kita akan berikan tumpuan dalam belanjawan dan saya dengan pasukan Menteri Kewangan telah meneliti banyak isu yang berbangkit.

“Selain itu, saya juga tekankan peranan bukan saja syarikat besar tapi usahawan daripada industri kecil dan se-



ANWAR Ibrahim bersama Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail menghadiri rumah terbuka ACCCIM sempena Tahun Baharu Cina di Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

derhana (IKS) dalam negara.

“Mereka harus diberi ruang supaya dapat ditingkatkan dari segi teknologi dan digitalisasi supaya dapat bersaing serta membawa pekerjaan lebih banyak,” katanya semasa berucap di Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina Gabungan De-

wan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), di sini, semalam.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan, dialog belanjawan akan diadakan sehingga 10 Februari ini bagi mendapatkan input sebelum kerajaan merumus dan membentangkannya

di Dewan Rakyat.

Ini sebagai langkah kerajaan mendengar cadangan dan permasalahan daripada semua pihak terlibat di dalam pelbagai bidang supaya Belanjawan bakal dibentang akan merangkumi serta memberi manfaat secara menyeluruh kepada semua pihak.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Malaysia perlu mengemukakan dasar yang bersifat lebih berani demi memastikan negara terus bergerak ke hadapan walau dalam apa jua situasi.

“Seperti yang disebut oleh Presiden ACCCIM, Tan Sri Low Kian Chuan, dasar-dasar ekonomi yang boleh memacu pertumbuhan dan dasar ekonomi jelas melihat kepada peruntukan semasa.

“Seperti pasca Covid-19, ke-melesetan ekonomi di Eropah, kesan perang antara Rusia dan Ukraine yang menuntut kita untuk (menjadi) lebih berani mengenakan dasar-dasar yang memberi manfaat kepada semua,” ujarnya.